

25 OCT 1997

Zahid-Krisis

KONVENSYEN KHAS UNTUK BINCANG KRISIS MATAWANG SERANTAU

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Satu konvesnyen khas yang mengumpulkan semua pihak termasuk dari negara Asean yang menghadapi kesan akibat kejatuhan mata wang serantau akan diadakan untuk membincang dan mencari jalan terbaik bagi mengatasinya.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Ahmad Zahid Hamidi hari ini berkata cadangan pergerakan itu akan dilaksanakan oleh pergerakan pemuda Barisan Nasional (BN) dan ia membabitkan penyertaan dewan perniagaan dan perindustrian Melayu, Cina, India dan antarabangsa, persatuan bank-bank serta dewan perniagaan dari negara-negara Asean.

"Beberapa pihak termasuk badan politik, badan bukan kerajaan dan tokoh perniagaan serantau dari Indonesia, Singapura dan Brunei telah menyuarakan pandangan kepada saya pentingnya kita mencari jalan bersama untuk menangani masalah itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco pergerakan pemuda UMNO di sini.

Katanya, pada peringkat awal, Majlis Ekonomi Pemuda UMNO akan menganjurkan perbincangan meja bulat yang disertai tokoh-tokoh akademik, korporat antarabangsa, persatuan bank-bank serta golongan ilmuan tempatan untuk menghadapi permasalahan yang dihadapi.

Diharapkan perkara yang dibincangkan nanti dan cadangan yang dicapai akan dijadikan panduan untuk kerajaan mengambil langkah selanjutnya, katanya.

Ahmad Zahid berkata pemuda Umno pada mesyuaratnya turut menyarankan agar Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengambil langkah segera mewujudkan satu badan pengawas tukaran wang antarabangsa seperti yang disarankan Malaysia memandangkan masalah itu boleh menjangkiti negara lain seperti yang dialami Hong Kong walaupun negara itu mempunyai asas ekonomi yang kukuh.

"Walaupun ada pihak yang cuba melarang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada banyak bercakap mengenai masalah itu, namun Hong Kong yang tidak banyak bercakap pun turut mengalami masalah itu akibat perbuatan spekulator," katanya.

Pergerakan Pemuda UMNO yakin masalah itu boleh merebak ke negara-negara berdekatan, katanya dan menambah semua negara terbabit harus bersatu mencari jalan menangkisnya.

Ahmad Zahid juga berkata pergerakan pemuda akan menyarankan agar kerajaan Thailand supaya mengambil tindakan terhadap akhbar Bangkok Post dan the Nations keluaran negara itu kerana membuat liputan negatif kepada rantau ini serta Dr Mahathir yang dituduhkan menjadi penyebab kepada kejatuhan pasaran saham dan mata wang rantau ini.

Katanya, analisis kedua-dua akhbar itu menggambarkan betapa buruknya kedudukan ekonomi dan kewangan negara ini dan Asean, malah ini berlaku kerana editor kedua-dua akhbar itu bukan rakyat Thai tetapi negara asing yang sama sekali tiada perasaan simpati terhadap masalah yang dihadapi rantau ini.

Sehubungan itu beliau menyarankan agar akhbar tempatan di rantau Asean tidak memetik berita atau analisis daripada kedua-dua akhbar itu yang sebenarnya menikam dari belakang rantau ini terutamanya Thailand.

Beliau juga berkata Pemuda Umno akan menghantar wakilnya ke Surabaya untuk bertemu dan menjelaskan kepada kepimpinan Komite Pemuda Nasional Indonesia terhadap langkah Malaysia dalam menghadapi dan mengatasi masalah itu.

Katanya, pemuda Umno juga mahu badan korporat mengambil langkah lebih berkesan dengan menunjukkan sokongan kepada kerajaan dalam menangani masalah itu dan tidak hanya menyatakan sokongan di bibir sahaja. --BERNAMA  
ARA oba